

25 FEB 2002

Muhammad-Pas

RAKYAT SEMAKIN CURIGA DENGAN PENDEKATAN PEMBANGKANG -- MUHAMMAD

KOTA BAHARU, 25 Feb (Bernama) -- Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata kalangan rakyat sekarang semakin curiga dengan pendekatan yang dibawa oleh parti pembangkang terutama Pas yang menjurus ke arah tindakan militan.

Beliau berkata rakyat telah dapat mengesan pemikiran pembangkang yang menggalakkan keganasan melalui ajaran, ceramah dan kursus bagi melahirkan kumpulan yang bersifat militan.

"Kita nampak bahawa rakyat sudah ada pendirian baru iaitu pendirian yang sangat baik, melihat kerajaan Barisan Nasional pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lebih bersikap liberal, lebih menjalankan ajaran Islam secara keseluruhan berbanding dengan apa yang dilakukan oleh Pas," katanya.

Muhammad berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Badan Perhubungan Umno Kelantan yang diketuai Datuk Mustapa Mohamed di Bangunan Umno Negeri di sini, hari ini.

Beliau berkata rakyat khususnya di peringkat bawah sudah mula memandang bahawa Pas bukan parti yang berkemampuan untuk mencorakkan kerajaan Islam kerana kreadibiliti mereka telah musnah apabila ramai daripada penyokong dan anggotanya telah bergerak secara militan.

Ditanya peluang BN untuk merampas Kelantan dari Pas pada pilihan raya umum akan datang, Muhammad berkata: "Kita tak tahu apakah rakyat Kelantan telah bersedia untuk menukar kerajaan walaupun kita nak sangat tetapi apa yang penting perubahan telah berlaku".

Beliau berkata Umno memang inginkan supaya Kelantan dapat diperintah oleh BN agar pelbagai program untuk membangunkan rakyat dapat dilakukan secara keseluruhannya.

-- BERNAMA

BD NMO